JUZU' KE-28

SURAH AT-TAGHABUN

SURAH KE

64

سُورَةُ التَّغَابُنِ

SURAH AT-TAGHABUN

Surah Pertandingan

(Madaniyah)

JUMLAH AYAT

18

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنْكُمْ كَافِرٌ وَمِنْكُمْ مُؤْمِنٌ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ ۖ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿٣﴾

يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٤﴾

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَأُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلُ فَذَاقُوا وَبَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُ كَانَتْ تَأْتِيهِمْ رُسُلُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَقَالُوا أَبَشَرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا وَتَوَلَّوْا ۚ وَاسْتَغْنَى اللَّهُ ۚ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٦﴾

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَنْ لَنْ يُبْعَثُوا ۚ قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ ۚ وَذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧﴾

فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالنُّورِ الَّذِي أَنْزَلْنَا ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٨﴾

يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ الْجَمْعِ ۖ ذَٰلِكَ يَوْمُ التَّغَابُنِ ۗ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٩﴾

"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah. Dia memiliki kerajaan (seluruh alam) dan memiliki segala kepujian. Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(1). Dialah yang telah menciptakan kamu dan di antara kamu ada yang kafir dan di antara kamu pula ada yang Mu'min, dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu(2). Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu, dan kepada-Nya tempat kembali(3). Dia mengetahui segala sesuatu yang ada di langit dah di bumi. Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang kamu sembunyi dan segala sesuatu yang kamu nyatakan, dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada(4). Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang yang kafir sebelum kamu. Mereka telah merasakan akibat perbuatan mereka, dan memperolehi 'azab yang amat pedih(5). Balasan itu ialah kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas, lalu mereka berkata: Apakah seorang manusia dapat memberi hidayat kepada kami? Kerana itu mereka menjadi kafir dan berpaling (dari hidayat), dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji(6). Orang-orang yang kafir mengatakan bahawa mereka tidak akan dibangkitkan kembali (selepas mati). Katakanlah: Sebenarnya tidak begitu, demi Tuhanku kamu akan dibangkitkan kembali kemudian kamu akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Urusan itu amat mudah kepada Allah(7). Oleh itu, berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada nur Al-Qur'an yang Kami turunkannya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu(8). Ingatlah hari di mana kamu dikumpulkan Allah untuk Hari Perhimpunan (Hisab) itulah hari pertandingan. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dengan mengerjakan amalan yang soleh nescaya Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana dia akan hidup kekal untuk selama-lamanya. Itulah kejayaan yang amat besar"(9).

وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا ۖ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٠﴾

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ ۗ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ ۚ فَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ

فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٢﴾
ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٣﴾
يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّ مِنْ أَزْوَٰجِكُمْ وَأَوْلَٰدِكُمْ عَدُوًّا لَّكُمْ فَٱحْذَرُوهُمْ ۚ وَإِن تَعْفُوا۟ وَتَصْفَحُوا۟ وَتَغْفِرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾
إِنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ ۚ وَٱللَّهُ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾
فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ وَٱسْمَعُوا۟ وَأَطِيعُوا۟ وَأَنفِقُوا۟ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ ۗ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾
إِن تُقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَٰعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٧﴾
عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

"Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah para penghuni Neraka di mana dia akan hidup kekal, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(10). Tiada musibah yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(11). Dan ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul. Dan jika kamu berpaling (dari keta'atan), maka sesungguhnya tugas utusan Kami ialah menyampaikan penerangan yang jelas(12). Dialah Allah. Tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia, dan kerana itu hendaklah orang-orang Mu'min bertawakkal kepada Allah sahaja(13). Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu ada yang menjadi musuh kepada kamu. Oleh itu, hendaklah kamu berhati-hati terhadap mereka. Dan jika kamu memaaf, tidak mengambil salah dan mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang(14). Sesungguhnya harta kamu dan anak-anak kamu adalah ujian (kepada kamu), dan di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar(15). Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah sedaya upaya kamu, dengarlah dan ta'atilah kepada-Nya dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabi'at kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung (16). Jika kamu memberi pinjam kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas) nescaya Allah gandakan balasan kepadanya dan mengampunkan kamu, dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Penyantun(17). Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana"(18).

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Surah ini hampir menyamai Surah-surah Makkiyah dalam maudhu' pembicaraannya, ungkapan ayat-ayatnya, bayangan-bayangannya dan saranan-saranannya terutama dalam bahagian-bahagian pertamanya. Suasana-suasana masyarakat Madinah hampir-hampir tidak ternyata melainkan di dalam beberapa ayatnya yang akhir.

Ayat-ayatnya yang pertama sehingga kepada permulaan seruan:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟

"Wahai orang-orang yang beriman!"(14)

adalah dituju untuk membina asas-asas 'aqidah dan menegakkan kefahaman Islamiyah di dalam hati manusia dengan gaya cara Surah-surah Makkiyah yang mula-mula menghadapi orang-orang kafir Musyrikin. Ia menjelaskan kefahaman Islamiyah kepada mereka dengan penjelasan orang yang baru menghadapinya. Kemudian surah ini menggunakan kejadian-kejadian alam buana dan jiwa yang menarik di samping memperlihatkan kesudahan-kesudahan yang diterima oleh pendusta-pendusta sebelum mereka. Surah ini juga menayangkan pemandangan-pemandangan Qiamat kepada mereka untuk menegakkan kepercayaan kepada kebangkitan semula selepas mati dan memberi penekanan-penekanan yang kuat. Ini menunjukkan bahawa orang-orang yang ditujukan ayat-ayat ini adalah dari golongan para pengingkar yang degil.

Ayat-ayat yang akhir dari surah ini adalah berbicara dengan orang-orang Mu'min dengan pembicaraan yang serupa dengan pembicaraan dengan mereka di dalam Surah-surah Madaniyah, iaitu yang menggalakkan mereka membelanjakan harta benda untuk Sabilillah dan mengingatkan mereka tentang ujian-ujian harta dan anak. Ini merupakan da'wah yang berulang-ulang disebut di zaman Madaniyah dengan sebab-sebab keperluan hidup Islamiyah di Madinah. Begitu juga di dalam ayat-ayat yang akhir itu terdapat kenyataan yang mungkin berupa ta'ziah atas kesusahan-kesusahan dan bebanan-bebanan berat yang terpikul di atas bahu orang-orang Mu'min dan kenyataan yang mengembalikan segala-galanya itu kepada taqdir Allah di samping menegakkan kefahaman ini sendiri. Semuanya ini berulang-ulang disebut di dalam Surah-surah Madaniyah terutama setelah turunnya perintah jihad yang menimbulkan pengorbanan-pengorbanan itu.

Di sana terdapat riwayat-riwayat yang mengatakan surah ini diturunkan di Makkah dan ada pula riwayat-riwayat yang lain yang mengatakan ia diturunkan di Madinah dan riwayat inilah merupakan riwayat yang kuat. Saya hampir-hampir cenderung mengatakan bahawa surah ini diturunkan di Makkah kerana terpengaruh dengan gaya cara pengungkapan bahagian-bahagiannya yang pertama dan suasana-suasananya, tetapi saya kekalkan surah ini sebagai surah yang diturunkan di Madinah kerana di sana tidak ada halangan bahawa ayat-ayat pertama dari surah ini merupakan ayat yang ditujukan kepada orang-orang kafir selepas Hijrah sama ada mereka dari orang-orang kafir Makkah atau orang-orang kafir yang tinggal berdekatan dengan Madinah. Begitu juga di sana tidak ada halangan bahawa ayat-ayat Al-Qur'an yang diturunkan di Madinah itu kadang-kadang dituju untuk menjelaskan asas-asas 'aqidah dan kefahaman-kefahaman Islamiyah dengan gaya cara yang selalu terdapat di dalam surah-surah yang diturunkan di Makkah. Wallahu a'lam.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 4)

Bahagian pertama dari surah ini bertujuan untuk membina kefahaman keimanan universal dan menjelaskan hakikat hubungan di antara Allah S.W.T. selaku Khaliq dengan alam buana selaku makhluk yang diciptakan-Nya, juga menjelaskan hakikat beberapa sifat Allah dan nama-nama-Nya yang maha indah dan kesannya di alam buana dan di dalam kehidupan manusia.

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ ۖ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنكُمْ كَافِرٌ وَمِنكُم مُّؤْمِنٌ ۚ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾

خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَصَوَّرَكُمْ فَأَحْسَنَ صُوَرَكُمْ ۖ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ ﴿٣﴾

يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ۚ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿٤﴾

"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah. Dia memiliki kerajaan (seluruh alam) dan memiliki segala kepujian. Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu(1). Dialah yang telah menciptakan kamu dan di antara kamu ada yang kafir dan di antara kamu pula ada yang Mu'min, dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu(2). Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu, dan kepada-Nya tempat kembali(3). Dia mengetahui segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi. Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang kamu sembunyi dan segala sesuatu yang kamu nyatakan, dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(4)

Kefahaman Keimanan Universal

Kefahaman keimanan universal ini merupakan satu kefahaman atau persepsi yang paling halus dan paling luas yang pernah diketahui oleh orang-orang yang beriman di dalam sejarah agama Ilahi. Semua agama Ilahi membawa kepercayaan Wahdaniyah atau keesaan Allah dan Dialah satu-satunya Pencipta alam al-wujud dan seluruh makhluk-Nya. Dialah yang memelihara dan menjaga seluruh makhluk di alam al-wujud. Hakikat ini tidak dapat kita ragukan lagi kerana Al-Qur'an sendiri telah menceritakannya dari para rasul dan agama-agama Ilahi seluruhnya. Kita tidak boleh berpegang dengan keterangan-keterangan yang kita dapati di dalam kitab-kitab suci yang palsu dan yang telah diubah dan dipindakan itu atau berpegang dengan keterangan-keterangan yang ditulis oleh pengarang-pengarang yang tidak beriman kepada Al-Qur'an semuanya atau setengahnya, iaitu pengarang-pengarang yang menulis mengenai kajian perbandingan di antara agama. Penyelewengan dari 'aqidah Wahdaniyah itu adalah datang dari pengikut-pengikut agama-agama itu sendiri. Kerana itu kita nampak agama-agama itu tidak membawa 'aqidah tauhid yang bersih dan tidak menjelaskan hakikat bahawa hanya Allah sahaja yang menguasai dan menghubungi segala makhluk yang ada. Ini adalah satu penyelewengan yang baru timbul bukannya dari pengajaran asal agama-agama itu. Agama Allah itu hanya satu sahaja sejak kebangkitan rasul-rasul yang pertama hingga kepada kebangkitan rasul yang akhir. Dan mustahil bagi Allah menurunkan satu agama yang bertentangan dengan dasar-dasar kepercayaan Wahdaniyah ini sebagaimana didakwakan oleh pendakwa-pendakwa berdasarkan keterangan-keterangan yang mereka perolehi dari kitab-kitab suci yang palsu dan yang telah diubah dan dipindakan atas nama agama itu.

Tetapi penjelasan hakikat ini tidak bertentangan dengan penjelasan bahawa kefahaman Islam mengenai zat Allah dan sifat-sifat-Nya Yang Maha Tinggi serta kesan-kesan dari sifat-sifat itu di dalam alam buana dan di dalam kehidupan merupakan satu kefahaman yang lebih luas, lebih halus dan lebih sempurna dari semua kefahaman ketuhanan yang telah lalu yang terdapat di dalam agama-agama Ilahi. Ini memang sesuai dengan sifat agama Islam dan tugasnya yang terakhir, juga sesuai dengan kematangan pemikiran manusia, yang mana tujuan kedatangan agama yang akhir ini ialah untuk berbicara dengan mereka dan untuk memberi bimbingan kepada mereka, dan seterusnya untuk menanamkan di dalam jiwa mereka kefahaman keimanan yang sempurna dan meliputi segala kehendak keperluannya, segala cabang dan segala kesannya.

Di antara ciri kefahaman ini ialah ia membolehkan hati manusia memahami mengikut kadar kemampuannya hakikat Uluhiyah dan keagungannya dan dapat merasakan pengaruh qudrat Ilahi serta melihatnya pada kesan-kesannya yang dapat disaksikan pada seluruh alam buana ini, juga dapat merasakannya pada makhluk-makhluk yang berjiwa dengan kesan-kesannya yang dapat disaksi dan difahami, juga ia dapat hidup dalam ruang qudrat Ilahi itu dan kesan-kesannya yang tidak pernah luput dari tanggapan pancaindera, minda dan ilham yang diterimanya. Ia dapat melihat qudrat Ilahi itu meliputi segala sesuatu, menguasai segala sesuatu, mentadbirkan segala sesuatu dan memelihara segala sesuatu. Tiada suatu pun yang terkeluar dari bidang qudrat Ilahi sama ada yang besar, yang kecil, yang mulia dan yang hina.

Di antara ciri kefahaman ini lagi ialah ia membolehkan hati manusia hidup dalam keadaan yang sentiasa peka, sentiasa waspada dan hati-hati, sentiasa bimbang dan menunggu, sentiasa kepingin dan mengharap rahmat Allah, Ia membolehkannya meneruskan hidupnya dengan sentiasa menggantungkan seluruh gerak-geri dan pemikirannya pada Allah, sentiasa merasakan qudrat dan pengawasan Allah, sentiasa sedarkan dengan pengetahuan dan pemerhatian Allah terhadap perbuatan-perbuatannya, sentiasa merasakan kekuatan dan keperkasaan Allah, sentiasa merasakan kewujudan rahmat dan limpah kurnia Allah dan sentiasa merasakan kehampiran Allah dengannya dalam segala keadaan.

Dan pada akhirnya di antara ciri kefahaman ini lagi ialah ia membolehkan hati seseorang sedar bahawa segala makhluk yang maujud ini adalah bertawajjuh kepada Khaliqnya dan ia juga turut serta bertawajjuh kepada-Nya bersama-sama mereka. Segala makhluk adalah bertasbih memuji Tuhannya dan ia juga turut serta bertasbih bersama-sama mereka dan segala makhluk adalah ditadbirkan dengan perintah dan kebijaksanaan Allah, kerana itu dia tunduk kepada syari'at dan peraturan-peraturan-Nya. Berdasarkan pengertian-pengertian inilah kefahaman keimanan ini dinamakan kefahaman keimanan universal di samping lain-lain pengertian yang terbentang di dalam berbagai-bagai tempat di dalam Al-Qur'an, yang mengandungi penerangan-penerangan mengenai aspek-aspek kefahaman keimanan yang sempurna, halus dan meliputi segala-galanya ini. Contoh yang paling dekat pengertian yang terkandung dalam ayat terakhir Surah al-Hasyr di dalam juzu' ini.[1]

******

Seluruh Alam Buana Bertasbih Memuji Allah

يُسَبِّحُ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Segala makhluk di langit dan segala makhluk di bumi bertasbih memuji Allah. Dia memiliki kerajaan (seluruh alam) dan memiliki segala kepujian. Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Seluruh makhluk di langit dan di bumi adalah bertawajjuh kepada Allah dan bertasbih memuji-Nya. Hati alam al-wujud ini adalah beriman belaka dan roh makhluk di alam buana ini adalah beriman semuanya. Allah itu Pemilik dan Penguasa segala sesuatu, dan segala sesuatu menyedari hakikat ini. Allah itu Maha Terpuji dengan zat-Nya dan Dia dimuliakan oleh seluruh makhluk-Nya. Apabila ada manusia yang mengaku berdiri sendiri di dalam lautan alam al-wujud yang besar ini dengan hati yang kafir dan roh yang ingkar dan pendirian yang memberontak dan derhaka, tidak bertasbih kepada Allah dan tidak bertawajjuh kepada-Nya, maka manusia ini adalah seorang yang amat ganjil yang terpisah dari pendirian seluruh makhluk di alam al-wujud ini.

وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾

"Dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(1)

Qudrat Allah merupakan qudrat yang mutlaq yang tidak terikat dengan sebarang ikatan. Qudrat Allah merupakan satu hakikat yang diterapkan Al-Qur'an di dalam hati orang yang beriman. Dia mengenal hakikatnya dan terpengaruh dengan pengertiannya. Dia sedar apabila dia bersandar kepada Allah bererti dia bersandar kepada satu qudrat yang berkuasa melaku dan melaksanakan apa sahaja yang dikehendaki-Nya tanpa sebarang batasan dan ikatan.

Kefahaman ini terhadap hakikat qudrat Allah dan hakikat bahawa seluruh makhluk bertasbih kepada-Nya dan seluruh alam bertawajjuh kepada-Nya dengan pujian dan sanjungan merupakan sebahagian dari kefahaman keimanan yang agung ini.

Sentuhan yang kedua adalah menyentuh hati manusia yang berdiri di dalam lautan makhluk-makhluk yang ada di alam buana, iaitu makhluk-makhluk yang sentiasa beriman dan bertasbih memuji Allah, sedangkan manusia kadang-kadang beriman dan kadang-kadang kafir. Dialah sahaja di antara para makhluk itu yang mengambil pendirian yang ganjil seperti ini.

Manusia Mempunyai Dua Arah Aliran Menuju Keimanan Atau Kekafiran

هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ فَمِنكُمْ كَافِرٌ وَمِنكُم مُّؤْمِنٌ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾

[1] *"Konsep Islam Terhadap Alam, Kehidupan Dan Insan"(* فكرة الإسلام عن الكون والحياة والإنسان*) satu kajian yang saya harap dengan taufiq Allah dapat melahirkannya ke alam kenyataan.*

"Dialah yang telah menciptakan kamu dan di antara kamu ada yang kafir dan di antara kamu pula ada yang Mu'min, dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu."(2)

Makhluk manusia adalah lahir dari iradat dan qudrat Allah. Jiwanya telah diisi dengan kemungkinan menuju kepada kekafiran dan kemungkinan menuju kepada keimanan. Dengan sifatnya yang mempunyai dua kesediaan ke arah kekafiran dan ke arah keimanan inilah manusia berbeza dari makhluk-makhluk yang lain. Berdasarkan kesediaan inilah juga manusia ditugaskan memikul amanah keimanan iaitu satu amanah yang agung dan satu tanggungjawab yang amat besar, tetapi Allah memuliakan makhluk ini dengan mengurniakan kepadanya kebolehan membeza dan memilih di samping membantunya dengan memberikannya neraca yang dapat digunakan olehnya untuk menilaikan kerja-kerjanya dan haluan-haluan yang ditujunya. Neraca itu ialah agama yang diturunkan kepada para rasul yang dipilih dari kalangannya. Dengan pengurniaan-pengurniaan ini Allah menolong manusia untuk memikul amanah keimanan itu tanpa menganiayakan sedikit pun.

وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢﴾

"Dan Allah Maha Melihat segala perbuatan yang dilakukan kamu."(2)

Dialah yang mengawasi segala tindak-tanduk manusia dan mengetahui niat dan tujuan mereka. Oleh itu manusia harus berhati-hati terhadap Allah Yang Maha Mengawasi dan Maha Mengetahui.

Kefahaman terhadap hakikat manusia dan pendiriannya ini merupakan sebahagian dari kefahaman Islam yang jelas dan lurus terhadap pendirian manusia di alam buana ini, juga terhadap kesediaan-kesediaannya dan tanggungjawab-tanggungjawabnya di hadapan Allah Pencipta alam buana ini.

Sentuhan yang ketiga memperkatakan hikmat dan lunas kebenaran, yang semulajadi pada tabi'at alam buana ini. Dengan hikmat dan lunas kebenaran inilah langit dan bumi diciptakan. Sentuhan ini juga memperkatakan penciptaan Allah yang indah pada diri manusia dan menjelaskan bahawa seluruh manusia akan pulang kepada Allah pada akhir penjelajahan hidupnya:

خَلَقَ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضَ بِٱلۡحَقِّ وَصَوَّرَكُمۡ فَأَحۡسَنَ صُوَرَكُمۡۖ وَإِلَيۡهِ ٱلۡمَصِيرُ ﴿٣﴾

"Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran. Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu dan kepada-Nya tempat kembali."(3)

Permulaan ayat, **"Dia telah menciptakan langit dan bumi dengan lunas kebenaran"** menyedarkan orang yang beriman bahawa lunas kebenaran itu merupakan lunas semulajadi pada kejadian alam buana, bukannya sesuatu yang baru atau merupakan sesuatu yang bersifat tambahan, dan di atas lunas kebenaran inilah alam buana ini diciptakan Allah. Hakikat ini dijelaskan oleh Allah sendiri yang telah menciptakan langit dan bumi itu, dan Dialah yang mengetahui di atas asas apakah Dia ciptakan kedua-duanya. Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati seseorang, maka ia akan memberikan rasa ketenteraman kepadanya dan kepercayaan yang penuh terhadap lunas kebenaran yang menjadi asas agamanya dan asas penciptaan seluruh alam di sekelilingnya. Kerana itu agama ini pasti muncul, pasti kekal dan pasti bertapak teguh selepas hilangnya buih-buih kebatilan.

Struktur Rupa Bentuk Manusia Diciptakan Dengan Kejuruteraan Rabbani Yang Paling Sempurna

Hakikat yang kedua dari ayat **"Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu"** menyedarkan manusia betapa mulia kejadiannya di sisi Allah dan betapa besarnya limpah kurnia Allah yang telah mencantikkan rupa parasnya, iaitu rupa paras yang lahir dan rupa paras yang batin. Kerana itu manusia merupakan makhluk hidup yang paling sempurna dari segi bentuk tubuh badan dan paling tinggi dari segi struktur perasaan dan kesediaan-kesediaan rohaniyah yang mempunyai berbagai-bagai rahsia yang aneh, dan justeru kelebihan ini tugas khilafah memerintah bumi diserahkan kepada manusia.

Dengan sekilas pandangan yang teliti kepada kejuruteraan umum struktur kejadian manusia atau bentuk mana-mana anggota peralatannya sudah cukup untuk membuktikan kebenaran hakikat **"Dia telah menentukan bentuk rupa kamu dan memperelokkan rupa paras kamu."** Bentuk rupa paras manusia merupakan suatu kejuruteraan yang mengumpulkan keindahan dan kesempurnaan, dan keindahan itu pula berbeza-beza dari satu bentuk ke satu bentuk yang lain, tetapi reka bentuk itu sendiri adalah cukup indah, sempurna dan dapat memenuhi kehendak tugas-tugas dan ciri-ciri yang menjadikan makhluk insan mengatasi semua makhluk hidup yang lain di bumi ini.

"Dan kepada-Nya tempat kembali."(3)

Segala sesuatu, segala urusan dan segala penciptaan adalah pulang kepada-Nya. Seluruh alam dan seluruh manusia adalah pulang kepada-Nya. Dari qudrat Allah mereka lahir ke alam dan kepada Allah S.W.T. mereka kembali, Dari Allah bermulanya segala sesuatu dan kepada Allah berakhirnya segala sesuatu. Allahlah yang awal dan yang akhir. Dialah yang meliputi segala sesuatu dari dua hujungnya iaitu hujung permulaan dan hujung penghabisan. Dan Allah S.W.T. tidak dibataskan oleh sebarang batas.

Sentuhan yang keempat dalam bahagian pertama surah ini ialah menggambarkan ilmu Ilahi yang mengetahui segala-galanya, yang melihat segala

rahsia manusia dan segala yang nyata darinya dan segala rahsia yang tersembunyi di dalam dadanya:

يَعْلَمُ مَا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسِرُّونَ وَمَا تُعْلِنُونَ ۚ وَٱللَّهُ عَلِيمٌۢ بِذَاتِ ٱلصُّدُورِ ﴿٤﴾

"Dia mengetahui segala sesuatu yang ada di langit dan di bumi. Dan Dia mengetahui segala sesuatu yang kamu sembunyi dan segala sesuatu yang kamu nyatakan, dan Allah Maha Mengetahui segala isi dada."(4)

Apabila hakikat ini tertanam di dalam hati orang yang beriman ia akan memberikan ma'rifat kepadanya iaitu dia mengenal hakikat Tuhannya, juga memberikan kepadanya sebahagian dari kefahaman keimanan universal, dan seterusnya ia akan memberi kesan kepada segala perasaan dan arah tujuannya. Dengan itu dia akan hidup dengan penuh kesedaran bahawa seluruh dirinya adalah terdedah kepada pandangan Allah. Tiada suatu dari rahsianya yang tersembunyi kepada Allah, dan tiada sebarang niatnya yang tersirat di dalam hatinya yang tidak diketahui Allah Yang Maha Mengetahui segala isi dada.

Ketiga-tiga ayat ini sudah cukup untuk menjadi garis panduan hidup seseorang manusia yang memahami hakikat kewujudannya dan kewujudan alam seluruhnya, juga memahami hubungannya dengan Allah Penciptanya, memahami adab sopan dengan Tuhannya, memahami rasa takut dan taqwanya dalam setiap langkah dan tujuannya.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 5 - 6)

Bantahan Terhadap Ciri Kemanusiaan Pada Rasul

Bahagian yang kedua dari surah ini mengingatkan kesudahan yang diterima oleh orang-orang dahulu yang telah mendustakan para rasul dan pengajaran-pengajaran Allah yang jelas dan membantah sifat kemanusiaan pada Rasul sebagaimana yang dilakukan oleh kaum Musyrikin yang telah mendustakan Rasulullah s.a.w. dan membantah sifat kemanusiaannya dan mengingkarkan segala pengajaran yang jelas yang dibawa olehnya:

أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَؤُا۟ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ مِن قَبْلُ فَذَاقُوا۟ وَبَالَ أَمْرِهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٥﴾

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُۥ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَقَالُوٓا۟ أَبَشَرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا۟ وَتَوَلَّوا۟ ۚ وَّٱسْتَغْنَى ٱللَّهُ ۚ وَٱللَّهُ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٦﴾

"Tidakkah sampai kepada kamu berita orang-orang yang kafir sebelum kamu. Mereka telah merasakan akibat perbuatan mereka, dan memperolehi 'azab yang amat pedih(5). Balasan itu ialah kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas, lalu mereka berkata: Adakah seorang manusia dapat memberi hidayat kepada kami? Kerana itu mereka menjadi kafir dan berpaling (dari hidayat), dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(6)

Ayat yang seperti ini biasanya ditujukan kepada kaum Musyrikin untuk mengingatkan mereka tentang akibat yang telah menimpa para pendusta agar akibat yang seumpama itu tidak menimpa mereka pula. Pertanyaan di dalam ayat ini mungkin, dimaksudkan untuk mengecam sikap mereka yang degil setelah sampai kepada mereka cerita orang-orang kafir sebelum mereka yang telah merasakan akibat perbuatan mereka, dan mungkin juga bermaksud untuk menarik perhatian mereka kepada berita ini yang diceritakan kepada mereka. Mereka memang tahu dan telah memanjangkan dari mulut ke mulut cerita-cerita orang-orang zaman dahulu yang telah dibinasakan Allah seperti cerita-cerita kaum 'Ad, Thamud dan kampung-kampung Lut. Mereka telah melalui tempat-tempat ini di Semenanjung Tanah Arab dalam perjalanan-perjalanan mereka ke utara dan ke selatan.

Al-Qur'an telah menambahkan cerita 'azab Allah yang umum diketahui telah menimpa mereka di dunia itu dengan cerita 'azab yang menunggu mereka di Akhirat, **"Dan mereka akan memperolehi 'azab yang amat pedih,"** kemudian Al-Qur'an menerangkan sebab-sebab yang membuat mereka wajar menerima balasan yang telah menimpa mereka di dunia dan menunggu balasan yang akan menimpa mereka di Akhirat:

ذَٰلِكَ بِأَنَّهُۥ كَانَت تَّأْتِيهِمْ رُسُلُهُم بِٱلْبَيِّنَٰتِ فَقَالُوٓا۟ أَبَشَرٌ يَهْدُونَنَا فَكَفَرُوا۟ وَتَوَلَّوا۟ ۚ وَّٱسْتَغْنَى ٱللَّهُ ۚ وَٱللَّهُ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ﴿٦﴾

"Balasan itu ialah kerana mereka telah didatangi rasul-rasul mereka yang membawa pengajaran-pengajaran yang jelas, lalu mereka berkata: Apakah seorang manusia dapat memberi hidayat kepada kami? Kerana itu mereka menjadi kafir dan berpaling (dari hidayat), dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(6)

Bangkangan seperti inilah juga telah dikemukakan oleh kaum Musyrikin terhadap Rasulullah s.a.w. iaitu satu bangkangan yang tidak matang, yang terbit dari kejahilan tentang tabi'at agama Allah yang merupakan satu sistem hidup ciptaan Ilahi untuk manusia. Sudah tentu sistem hidup ini pasti dijelmakan di alam realiti hidup seorang manusia (rasul), di mana dia hidup dengannya dan menterjemahkannya dengan perilaku peribadinya agar orang-orang lain dapat pula mencontohinya mengikut kemampuan mereka masing-masing. Dia (rasul) tidak boleh berpisah dari manusia kerana kedudukan ini akan membuat mereka tidak mendapat gambaran agama itu di alam kenyataan untuk direalisasikan pada diri mereka dan dalam kehidupan

mereka. Bangkangan mereka juga terbit dari kejahilan mereka tentang tabi'at manusia itu sendiri dan tentang ketinggian darjah manusia hingga dia dapat menerima agama dari Allah dan menyampaikannya kepada umat manusia tanpa memerlukan kepada malaikat untuk membawa agama itu kepada mereka seperti yang dicadangkan oleh kaum Musyrikin. Pada manusia terdapat tiupan Rohullah sebagai persediaan untuk menerima agama dari Allah dan menunaikannya dengan sempurna sebagaimana yang diterimanya dari al-Mala'ul-A'la. Pengurniaan agama dari Allah itu merupakan satu penghormatan kepada seluruh bangsa manusia. Tiada yang menolak agama Allah melainkan orang yang jahil terhadap kedudukan manusia yang tinggi di sisi Allah apabila dia merealisasikan hakikat tiupan Rohullah itu pada dirinya. Seterusnya bangkangan itu adalah terbit dari kedegilan dan keangkuhan mereka yang palsu untuk mengikut seorang rasul dari bangsa manusia seolah-olah ianya menjatuhkan nilai diri mereka. Pada hemat mereka, mereka bersedia mengikut dengan segala senang hati seorang rasul dari makhluk yang lain dari jenis mereka, tetapi untuk mengikut seorang rasul yang sejenis dengan mereka adalah satu kejatuhan dan kerendahan harga diri pada pandangan mereka.

Kerana itulah mereka menjadi kafir dan berpaling dari mempercayai para rasul dan pengajaran-pengajaran yang dibawa mereka. Keangkuhan dan kejahilan telah terlekat di dalam dada mereka dan kerana itu mereka telah memilih kesyirikan dan kekafiran untuk diri mereka.

وَّاسْتَغْنَى اللَّهُ وَاللَّهُ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ﴿٦﴾

"Dan Allah tidak memerlukan mereka, dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."(6)

Allah tidak memerlukan mereka, tidak memerlukan keimanan dan keta'atan mereka, kerana Allah S.W.T. tidak berkehendak apa-apa dari mereka dan dari yang lain dari mereka Allah tidak perlukan sesiapa, **"Dan Allah Maha Kaya dan Maha Terpuji."**

Inilah cerita orang-orang yang kafir di zaman dahulu yang telah merasakan akibat perbuatan mereka dan inilah sebabnya mereka telah ditimpakan 'azab di dunia dan menunggu 'azab di Akhirat. Bagaimana pula dengan orang-orang baru yang mendustakan rasul? Adakah mereka akan menerima kesudahan yang sama?

******

(Pentafsiran ayat-ayat 7 - 13)

Bahagian yang ketiga dari surah ini yang menjadi ayat-ayat lanjutan kepada bahagian yang kedua adalah mengisahkan perbuatan orang-orang kafir yang telah mendustakan kebangkitan selepas mati. Yang nampak jelas ialah orang-orang kafir yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah kaum Musyrikin yang menerima da'wah Rasulullah s.a.w. Bahagian ini juga mengandungi arahan Allah kepada Rasul supaya menjelaskan dengan setegas-tegasnya persoalan kebangkitan selepas mati kepada mereka, di samping menggambarkan pemandangan hari Qiamat dan kesudahan yang diterima oleh orang-orang yang mendustakannya dan orang-orang yang percaya kepadanya. Dan seterusnya menyeru mereka supaya beriman dan ta'at menjunjung perintah dan mengembalikan segala sesuatu yang berlaku dalam hidup mereka kepada Allah:

Kebangkitan Selepas Mati Merupakan Hakikat Yang Pasti Berlaku

زَعَمَ الَّذِينَ كَفَرُوا أَن لَّن يُبْعَثُوا قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ وَذَٰلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٧﴾ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَالنُّورِ الَّذِي أَنزَلْنَا وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٨﴾ يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ الْجَمْعِ ذَٰلِكَ يَوْمُ التَّغَابُنِ وَمَن يُؤْمِن بِاللَّهِ وَيَعْمَلْ صَالِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّئَاتِهِ وَيُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا ذَٰلِكَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ ﴿٩﴾ وَالَّذِينَ كَفَرُوا وَكَذَّبُوا بِآيَاتِنَا أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ خَالِدِينَ فِيهَا وَبِئْسَ الْمَصِيرُ ﴿١٠﴾ مَا أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَن يُؤْمِن بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ ﴿١٢﴾ اللَّهُ لَا إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١٣﴾

"Orang-orang yang kafir mengatakan bahawa mereka tidak akan dibangkitkan kembali (selepas mati). Katakanlah: Sebenarnya tidak begitu, demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan kembali kemudian kamu akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukan kamu. Urusan itu amat mudah kepada Allah(7). Oleh itu berimanlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada nur Al-Qur'an yang Kami turunkannya, dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu(8). Ingatlah hari, di mana kamu dikumpulkan Allah untuk Hari Perhimpunan (Hisab) itulah

Hari Pertandingan. Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dengan mengerjakan amalan yang soleh nescaya Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana dia akan hidup kekal untuk selama-lamanya. Itulah kejayaan yang amat besar(9). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah para penghuni Neraka, di mana dia akan hidup kekal, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali(10). Tiada musibah yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu(11). Dan ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul. Dan jika kamu berpaling (dari keta'atan), maka sesungguhnya tugas utusan Kami ialah menyampaikan penerangan yang jelas(12). Dialah Allah. Tiada Tuhan (yang layak disembah) Melainkan Dia, dan kerana itu hendaklah orang-orang Mu'min bertawakkal kepada Allah sahaja.(13)

Dari awal lagi Al-Qur'an menyifatkan perkataan orang-orang kafir yang ingkarkan kebangkitan selepas mati itu sebagai sangkaan, ini bererti Al-Qur'an dari awal penceritaan lagi mendustakan perkataan mereka. Setelah itu Allah mengarahkan Rasulullah s.a.w. supaya menjelaskan dengan setegas-tegasnya persoalan kebangkitan semula selepas mati itu dengan bersumpah demi Tuhannya. Tiada penjelasan yang 1ebih tegas apabila Rasulullah s.a.w. bersumpah demi Tuhannya:

قُلْ بَلَىٰ وَرَبِّي لَتُبْعَثُنَّ

"Katakanlah: Sebenarnya tidak begitu. Demi Tuhanku, kamu akan dibangkitkan kembali."(7)

ثُمَّ لَتُنَبَّؤُنَّ بِمَا عَمِلْتُمْ

"Kemudian kamu akan diberitahu segala perbuatan yang telah dilakukan kami."(7)

Tiada satu perbuatan pun yang ditinggalkan. Allah lebih mengetahui dari mereka mengenai perbuatan-perbuatan mereka dan kerana itu Allah akan memberitahu perbuatan-perbuatan mereka pada hari Qiamat kelak.

وَذَٰلِكَ عَلَى ٱللَّهِ يَسِيرٌ ۝٧

"Urusan itu amat mudah kepada Allah."(7)

Kerana Allah mengetahui segala apa yang ada di langit dan di bumi, mengetahui segala yang tersembunyi dan segala yang nyata dan Dia Maha Mengetahui segala isi dada, dan Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu sebagaimana telah diterangkan di bahagian pertama surah ini sebagai pengantar kepada penjelasan ini.

Dalam bayangan penjelasan yang tegas ini, Al-Qur'an menyeru mereka supaya beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dan kepada nur yang diturunkan bersama-sama Rasul-Nya, iaitu kitab suci Al-Qur'an. Inilah agama yang ditafsirkan oleh Al-Qur'an. Al-Qur'an pada hakikatnya ialah cahaya kerana ia datang dari sisi Allah, dan kerana Allah itu nur langit dan bumi. Al-Qur'an adalah nur kerana kesan-kesannya dapat menerangi hati manusia, dan ia menjadikan hati terang benderang dapat melihat hakikat yang tersembunyi di dalam dirinya.

Setelah menyeru mereka supaya beriman, Al-Qur'an iringi dengan satu kenyataan yang membuat mereka sedar bahawa mereka terdedah kepada pandangan Allah di mana tiada suatu pun dari perbuatan mereka yang terlindung dari penglihatan-Nya:

وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ۝٨

"Dan Allah Maha Mengetahui segala perbuatan yang dilakukan kamu."(8)

Setelah menyampaikan seruan ini Al-Qur'an kembali menyempurnakan pemandangan hari kebangkitan yang dijelaskan kepada mereka dengan setegas-tegasnya:

يَوْمَ يَجْمَعُكُمْ لِيَوْمِ ٱلْجَمْعِ ۖ ذَٰلِكَ يَوْمُ ٱلتَّغَابُنِ ۗ

"Ingatlah hari di mana kamu dikumpulkan Allah untuk Hari Perhimpunan (Hisab), itulah Hari Pertandingan."(9)

Hari Qiamat dinamakan Hari Perhimpunan kerana seluruh manusia dari seluruh generasi dibangkitkan pada hari itu. Turut hadir pada hari itu ialah para malaikat yang tidak diketahui bilangannya melainkan Allah. Keterangan sebuah hadith Rasulullah s.a.w. mungkin dapat memudahkan kita untuk menggambarkan sebanyak mana bilangan malaikat itu. Hadith ini diriwayatkan dari Abu Zar katanya: Sabda Rasulullah s.a.w.

إني أرى ما لا ترون، وأسمع ما لا تسمعون. أطت السماء وحق لها أن تيط، ما فيها موضع أربع أصابع إلا وفيه ملك واضع جبهته لله تعالى ساجداً. والله لو تعلمون ما أعلم لضحكتم قليلاً، ولبكيتم كثيراً، ولـماتلذّذتم بالنساء على الفرش، ولخرجتم إلى الصعدات تجأرون إلى الله تعالى . لـو ددت أني شجرة تعضد.

"Sesungguhnya aku melihat apa yang kamu tidak lihat, dan aku dengar apa yang kamu tidak dengar. Langit telah mengeluh dan memang wajar ia mengeluh kerana tiada tempat di langit yang seluas empat jari melainkan di sana ada seorang malaikat yang sedang meletakkan dahinya sujud kepada Allah S.W.T. Demi Allah, jika kamu tahu apa yang aku tahu tentulah kamu sedikit ketawa dan banyak menangis, dan tentulah kamu tidak lagi berseronok dengan perempuan di atas tilam-tilam, dan tentulah kamu keluar di jalan-jalan raya memohon perlindungan kepada Allah. Alangkah sukanya aku menjadi pokok yang ditebang."[2]

Di langit tiada ruang yang seluas empat jari pun melainkan di sana ada seorang malaikat. Langit

---

[2] *Diriwayatkan oleh at-Tirmizi.*

itu amat luas sehingga manusia tidak mengetahui batas keluasannya. Di langit itu sebuah matahari seperti matahari kita hanya kelihatan seperti sebiji debu yang terbang di angkasa sahaja. Tidakkah hadith ini dapat memudahkan sedikit kepada manusia untuk memahami sebanyak mana bilangan para malaikat itu? Para malaikat yang ramai itulah yang akan turut hadir pada Hari Perhimpunan Agung itu.

Dalam perhimpunan agung itu berlakukan pertandingan untung rugi. Di sana orang-orang Mu'min berjaya mendapat ni'mat, sedangkan orang-orang kafir gagal mendapat sebarang ni'mat, lalu mereka diseret ke dalam Neraka. Kedua-dua golongan itu menerima nasib yang amat jauh berbeza. Seolah-olah di sana ada perlumbaan untuk memenangi segala sesuatu. Setiap puak harus mengalahkan lawannya dan dalam perlumbaan itu orang-orang yang beriman menang dan orang-orang yang kafir kalah. Itulah gambaran yang hidup dari pertandingan untung rugi yang kemudian diterangkan pula oleh ayat selanjutnya:

وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ وَيَعْمَلْ صَٰلِحًا يُكَفِّرْ عَنْهُ سَيِّـَٔاتِهِۦ وَيُدْخِلْهُ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَآ أَبَدًا ۚ ذَٰلِكَ ٱلْفَوْزُ ٱلْعَظِيمُ ﴿٩﴾ وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ وَكَذَّبُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَآ أُو۟لَٰٓئِكَ أَصْحَٰبُ ٱلنَّارِ خَٰلِدِينَ فِيهَا ۖ وَبِئْسَ ٱلْمَصِيرُ ﴿١٠﴾

"Dan barang siapa yang beriman kepada Allah dengan mengerjakan amalan yang soleh nescaya Allah akan menghapuskan kesalahan-kesalahannya dan akan memasukkannya ke dalam taman-taman Syurga yang mengalir di bawahnya berbagai-bagai sungai, di mana dia akan hidup kekal untuk selama-lamanya. Itulah kejayaan yang amat besar(9). Dan orang-orang yang kafir dan mendustakan ayat-ayat Kami merekalah para penghuni Neraka di mana dia akan hidup kekal, dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."(10)

Sebelum menyeru mereka kepada keimanan, Al-Qur'an menjelaskan satu lagi dasar dari dasar-dasar kefahaman keimanan mengenai qadha' qadar dan setelah itu ia menerangkan pula tentang pengaruh keimanan dalam membimbing hati manusia:

Qadha' Qadar Merupakan Dasar Keimanan

مَآ أَصَابَ مِن مُّصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ ٱللَّهِ ۗ وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُۥ ۚ وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

"Tiada musibah yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah, dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(11)

Barangkali tujuan disebutkan hakikat qadha' qadar di sini ialah semata-mata untuk menerangkan hakikat ini semasa memperkatakan hakikat keimanan yang diserukan manusia kepadanya di dalam bahagian ini, iaitu keimanan yang memulangkan segala sesuatu kepada Allah dan mempercayai bahawa segala baik buruk yang berlaku kepada manusia itu adalah berlaku dengan izin Allah. Inilah hakikat qadha' qadar dan tiada iman tanpa hakikat ini. Hakikat inilah yang menjadi asas segala kesedaran keimanan dalam menghadapi pancaroba hidup yang penuh dengan peristiwa-peristiwa yang baik dan yang buruk. Dan mungkin pula hakikat qadha' qadar ini disebut di sini kerana adanya peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di antara orang-orang Mu'min dan kaum Musyrikin semasa diturunkan surah ini atau semasa diturunkan ayat ini.

Walau bagaimanapun, hakikat qadha' qadar ini tetap merupakan sebahagian yang terpenting dari kefahaman keimanan yang mahu diwujudkan Islam di dalam hati orang yang beriman agar dia merasa bahawa tangan qudrat Ilahi ada pada setiap peristiwa yang berlaku dan agar dia melihat tangan qudrat Ilahi itu wujud pada setiap harakat yang berlaku, dan agar hatinya tenang tenteram menghadapi kesusahan dan kesenangan yang dialaminya, iaitu dia bersabar apabila dilanda kesusahan dan bersyukur apabila mendapat ni'mat kesenangan, malah dia mungkin meningkat lebih tinggi dari itu lagi iaitu dia tetap bersyukur kepada Allah, sama ada di dalam kesenangan atau kesusahan, kerana dia dapat melihat di sebalik kesusahan itu limpah rahmat Allah dalam bentuk memberi peringatan, memberi keampunan, memberatkan neraca kebaikan dan kebajikan dalam segala keadaan.

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

عجباً للمؤمن! لا يقضي الله قضاء إلا كان خيراً له. إن أصابته ضراء صبر فكان خيراً له. وإن أصابته سرّاء شكر فكان خيراً له. وليس ذلك لأحد إلا للمؤمن.

"Sungguh aneh kedudukan orang yang beriman. Apa sahaja keputusan yang telah diputuskan Allah terhadap dirinya adalah menjadi kebajikan belaka. Jika dilanda kesusahan dia bersabar, maka sikap ini mendatangkan kebaikan kepadanya. Dan jika dia mendapat kesenangan dia bersyukur, maka sikap ini juga mendatangkan kebaikan kepadanya. Balasan yang seperti ini tidak boleh dicapai melainkan oleh orang yang beriman sahaja."

وَمَن يُؤْمِنۢ بِٱللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُۥ

"Dan barang siapa yang beriman kepada Allah nescaya Allah memberi hidayat kepada hatinya."(11)

Setengah-setengah Ulama' Salaf mentafsirkan keimanan yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah keimanan kepada qadha' qadar Allah dan berserah kepada-Nya apabila ditimpa musibah. Menurut Ibn 'Abbas, maksud Allah memberi hidayat kepada hati itu ialah Dia memberi hidayat yang sempurna

kepadanya di samping membuka rahsia hakikat laduniyah yang tersembunyi dan menghubungkannya dengan asal dan sumber yang melahir segala benda dan peristiwa itu. Di sana dia akan melihat asal mulanya dan kesudahannya. Dengan itu hatinya akan tenang tenteram dan rehat. Seterusnya dia akan mendapat ma'rifat yang menyeluruh yang menyampaikannya kepada Allah. Oleh itu, dia tidak lagi perlu kepada pandangan cebisan (juz'i) yang penuh dengan kesilapan dan kelemahan.

Kerana itu Allah membuat kesimpulan:

وَٱللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١١﴾

"Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu."(11)

Jelaslah bahawa hidayat yang dimaksudkan itu ialah hidayat kepada sesuatu pengetahuan dari ilmu Allah yang dikurniakan-Nya kepada sesiapa sahaja yang mendapat hidayat-Nya, iaitu apabila keimanannya betul. Ketika itu barulah wajar baginya mendapat ni'mat penyingkapan hijab dan pembukaan rahsia-rahsia Allah sekadar yang tertentu.

Kemudian Al-Qur'an terus mengajak mereka kepada keimanan, iaitu menyeru mereka supaya ta'at kepada Allah dan ta'at kepada Rasul:

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟ ٱلرَّسُولَ ۚ فَإِن تَوَلَّيْتُمْ فَإِنَّمَا عَلَىٰ رَسُولِنَا ٱلْبَلَٰغُ ٱلْمُبِينُ ﴿١٢﴾

"Dan ta'atlah kamu kepada Allah dan ta'atlah kepada Rasul. Dan jika kamu berpaling (dari keta'atan), maka sesungguhnya tugas utusan Kami ialah menyampaikan penerangan yang jelas."(12)

Sebelum ini Al-Qur'an telah menunjukkan kepada mereka kesudahan yang diterima oleh orang-orang yang berpaling dari keta'atan. Di sini juga Al-Qur'an menjelaskan kepada mereka bahawa tugas rasul itu hanya penyampai, dan andainya beliau telah menyampai bererti beliau telah menunaikan amanahnya, melaksanakan kewajipannya dan menegakkan hujahnya.

Kemudian Al-Qur'an menamatkan bahagian ini dengan menjelaskan hakikat Wahdaniyah yang diingkar dan dibohongi mereka, juga menjelaskan sikap orang yang beriman dalam hubungan mereka dengan Allah:

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ۚ وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١٣﴾

"Dialah Allah. Tiada Tuhan (yang layak disembah) melainkan Dia dan kerana itu hendaklah orang-orang Mu'min bertawakkal kepada Allah sahaja."(13)

Hakikat tauhid itulah asas kefahaman keimanan seluruhnya dan mengikut hakikat ini orang yang beriman haruslah bertawakkal kepada Allah sahaja. Inilah kesan kefahaman keimanan di dalam hati manusia.

******

(Pentafsiran ayat-ayat 14 - 18)

Isteri, Anak Dan Harta Merupakan Ujian-ujian Dalam Kehidupan Dunia

Pada akhirnya Al-Qur'an menghadapkan seruannya kepada orang-orang yang beriman untuk mengingatkan mereka dalam menghadapi ujian para isteri, anak-anak dan harta kekayaan, dan menyeru mereka supaya bertaqwa kepada Allah, patuh, ta'at dan supaya membelanjakan harta mereka untuk kebajikan di samping mengingatkan mereka dari sifat kikir dan bakhil serta menjanjikan mereka dengan balasan rezeki yang berganda-ganda, keampunan dan keuntungan. Pada akhirnya Al-Qur'an mengingatkan mereka tentang ilmu Allah yang mengetahui segala yang hadir dan segala yang ghaib, juga tentang qudrat kuasa dan kebijaksanaan-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِنَّ مِنْ أَزْوَٰجِكُمْ وَأَوْلَٰدِكُمْ عَدُوًّا لَّكُمْ فَٱحْذَرُوهُمْ ۚ وَإِن تَعْفُوا۟ وَتَصْفَحُوا۟ وَتَغْفِرُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

إِنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَٰدُكُمْ فِتْنَةٌ ۚ وَٱللَّهُ عِندَهُۥٓ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴿١٥﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ وَٱسْمَعُوا۟ وَأَطِيعُوا۟ وَأَنفِقُوا۟ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ ۗ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

إِن تُقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَٰعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٧﴾

عَٰلِمُ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu ada yang menjadi musuh kepada kamu. Oleh itu, hendaklah kamu berhati-hati terhadap mereka. Dan jika kamu memaaf, tidak mengambil salah dan mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang(14). Sesungguhnya harta kamu dan anak-anak kamu adalah ujian (kepada kamu), dan di sisi Allah disediakan pahala yang

amat besar(15). Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah sedaya upaya kamu, dengarlah dan ta'atlah kepada-Nya dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabi'at kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung(16). Jika kamu memberi pinjam kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas) nescaya Allah gandakan balasan kepadanya dan mengampunkan kamu, dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Penyantun(17). Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(18)

Menurut-riwayat Ibn 'Abbas r.a. tentang ayat pertama di atas apabila dia ditanya oleh seorang lelaki mengenai ayat ini, kata beliau: Mereka (orang-orang Mu'min yang disebut dalam ayat itu) ialah orang-orang yang telah memeluk Islam dari Makkah. Mereka mahu datang-mengunjungi Rasulullah s.a.w., tetapi isteri-isteri dan anak-anak mereka enggan membenarkan mereka meninggalkan mereka. Dan apabila mereka datang menemui Rasulullah s.a.w., mereka dapati orang ramai semuanya telah pandai dan faham tentang hukum-hukum agama mereka, lalu mereka berazam hendak menderakan isteri-isteri dan anak-anak mereka. Ketika itu turunlah ayat:

وَإِن تَعۡفُواْ وَتَصۡفَحُواْ وَتَغۡفِرُواْ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٞ رَّحِيمٌ ﴿١٤﴾

"Dan jika kamu memaaf, tidak mengambil salah dan mengampunkan mereka, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang."(14)

Hadith ini juga telah diriwayatkan oleh at-Tirmizi dengan sanad yang lain dan katanya hadith ini adalah Hadith Hasan Sahih. Dan demikianlah juga kata 'Ikrimah maula Ibn 'Abbas.

Tetapi nas Al-Qur'an ini lebih luas liputannya dari peristiwa yang kecil ini dan lebih jauh maksudnya. Peringatan dalam ayat ini sama dengan peringatan dalam ayat selanjutnya mengenai ujian harta benda dan anak-pinak.

Peringatan yang menyarankan bahawa di antara para isteri dan anak-anak itu ada yang menjadi musuh menunjukkan kepada satu hakikat yang amat mendalam dalam kehidupan manusia. Peringatan itu menyentuh hubungan-hubungan sentimen-sentimen yang amat halus dan menyentuh hubungan-hubungan dalam kehidupan. Para isteri dan anak-anak kadang-kadang menjadi sebab yang melalaikan seseorang dari mengingati Allah, dan kadang-kadang menjadi pendorong ke arah mencuaikan tanggungjawab-tanggungjawab keimanan kerana menghindari kesusahan-kesusahan yang mungkin menimpa anak-anak dan isteri andainya seseorang Mu'min itu berjihad dan menemui nasib yang ditemui oleh seorang mujahid fi Sabilillah yang sentiasa terdedah kepada berbagai-bagai kerugian dan pengorbanan yang menyebabkan keluarganya turut menderita. Seorang itu mungkin mampu menanggung kesusahan dirinya sendiri tetapi dia tidak sanggup melihat anak isterinya menanggung kesusahan. Inilah yang menyebabkannya menjadi bakhil dan pengecut supaya anak-anak dan isterinya aman dan tenang dan supaya mereka hidup senang dan cukup mempunyai harta benda. Dengan demikian mereka menjadi musuhnya kerana merekalah yang menjadi batu penghalang yang menahannya dari kebaikan dan dari merealisasikan matlamat kewujudan insaniyahnya yang tinggi. Begitu juga mereka mungkin menghalanginya dan mencuaikan kewajipannya untuk menghindari kesulitan yang akan menimpa mereka akibat tindakannya itu, atau kerana mereka tidak sejalan dengannya, sedangkan dia tidak berdaya untuk berpisah dengan mereka dan membulatkan tawajjuhnya kepada Allah. Itulah bentuk-bentuk permusuhan yang berlain-lainan darjatnya, dan semuanya berlaku dalam kehidupan seorang Mu'min di setiap masa.

Kerana itu, keadaan yang rumit ini perlu mendapat peringatan dari Allah untuk menyedarkan hati orang-orang yang beriman supaya mereka, berhati-hati dari diserapi dan dipengaruhi tekanan perasaan-perasaan seperti itu.

Kemudian Al-Qur'an mengulangkan peringatan ini dalam satu bentuk yang lain pula iaitu peringatan dalam menghadapi fitnah harta dan anak-anak. Kata-kata fitnah itu mempunyai dua pengertian:

Pertama, Allah akan menguji kamu dengan harta kekayaan dan anak-pinak. Oleh itu hendaklah kamu berhati-hati dan berwaspada supaya kamu selamat menempuh ujian itu dan supaya kamu dapat membulatkan keikhlasan dan kebaktian kamu kepada Allah. Ini adalah sama dengan tukang emas yang menguji emas dengan api supaya bersih dari kekotoran-kekotoran yang lain.

Kedua, harta kekayaan dan anak-pinak merupakan fitnah kepada kamu. Ia membawa kamu kepada kederhakaan dan maksiat. Oleh itu, berhati-hatilah dari fitnah ini supaya kamu tidak dihanyut arusnya dan supaya fitnah itu tidak menjauhkan kamu dari Allah.

Kedua-dua pengertian ini hampir-hampir sama.

Al-Imam Ahmad telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Abdullah ibn Buraydah katanya: Rasulullah s.a.w. sedang berkhutbah, tiba-tiba datang al-Hassan dan al-Hussin r.a. kedua-duanya memakai baju merah. Kedua-duanya berjalan kemudian jatuh, lalu Rasulullah s.a.w. pun turun dari atas mimbar dan mendukung kedua-duanya dan meletakkan keduanya di hadapannya kemudian beliau bersabda:

إنما أموالكم وأولادكم فتنة. نظرت إلى هذين الصبيين يمشيان ويعثران، فلم أصبر حتى قطعت حديثي ورفعتهما.

"Sesungguhnya harta kekayaan dan anak-anak kamu itu merupakan fitnah. Aku melihat dua orang kanak-kanak ini berjalan dan jatuh menyebabkan aku hilang sabar dan terus memotong ucapanku dan mengangkatkan kedua-duanya."

Hadith ini juga diriwayatkan oleh Ahlis-Sunnah dari hadith Ibn Waqid. Demikianlah keadaan Rasulullah s.a.w. sendiri dengan dua orang cucunya dari puterinya Fatimah. Pengaruh anak-pinak itu begitu besar sekali kerana itu manusia perlu diberi peringatan dari Allah sendiri yang telah menciptakan hati mereka dan menaruhkan perasaan-perasaan itu di dalamnya supaya mereka dapat mengawalkan hati mereka dari keterlaluan mengikut perasaan-perasaan itu dan sedar bahawa perhubungan-perhubungan mesra mereka dengan anak isteri itu kadang-kadang bertindak seperti musuh yang menentang mereka.

Oleh sebab itulah Allah menunjukkan ganjaran pahala yang tersimpan di sisi-Nya setelah mengingatkan mereka terhadap fitnah harta dan anak-pinak, juga terhadap permusuhan yang tersembunyi pada setengah-setengah anak-anak dan isteri-isteri. Inilah fitnah tetapi, **"Di sisi Allah disediakan pahala yang amat besar."**

Kemudian Al-Qur'an menyeru orang-orang yang beriman supaya bertaqwa dan ta'at mengikut batas kemampuan dan keupayaan mereka masing-masing:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ وَٱسْمَعُوا۟ وَأَطِيعُوا۟ وَأَنفِقُوا۟ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ ۗ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

"Oleh itu, bertaqwalah kepada Allah sedaya upaya kamu, dengarlah dan ta'atlah kepada-Nya dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu. Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabi'at kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung."(16)

Dalam ungkapan **"Sedaya upaya kamu"** (ما استطعتم) kelihatan jelas sifat kelembutan dan kasihan belas Allah terhadap hamba-hamba-Nya. Dia tahu sejauh mana kemampuan mereka untuk bertaqwa dan menjunjung keta'atan kepada-Nya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

إذا أمرتكم بأمر فأتوا منه ما استطعتم وما نهيتكم عنه فاجتنبوه .

"Apabila aku menyuruh kamu melakukan sesuatu, maka hendaklah kamu laksanakannya sedaya upaya kamu dan sebarang apa yang Aku larangkannya hendaklah kamu jauhinya."[3]

Keta'atan menjunjung perintah itu tidak mempunyai batas kerana itu ia wajib dilaksanakan mengikut daya upaya seseorang. **Tetapi tidak ada tolak ansur dalam perkara-perkara larangan kerana itu larangan-larangan itu wajib dijauhi sepenuhnya.**

Kemudian Al-Qur'an menggalakkan mereka supaya mengeluarkan perbelanjaan untuk kebajikan:

وَأَنفِقُوا۟ خَيْرًا لِّأَنفُسِكُمْ ۗ

"Dan belanjakanlah untuk kebajikan diri kamu."(16)

Mereka sebenarnya berbelanja untuk diri mereka sendiri apabila Allah menyuruh mereka berbelanja untuk kebajikan diri mereka. Allah jadikan segala perbelanjaan yang dikorbankan mereka untuk kebajikan itu seolah-olah perbelanjaan kepada diri sendiri dan mengirakannya sebagai kebajikan diri mereka sendiri.

Kemudian Al-Qur'an menunjukkan kepada mereka bahawa sifat kikir dan bakhil itu merupakan satu bala yang sentiasa mengancam mereka, dan orang yang paling bahagia dan beruntung ialah orang yang terselamat dan terpelihara dari kongkongannya, dan ni'mat keselamatan itu adalah dari limpah kurnia Allah:

وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِۦ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْمُفْلِحُونَ ﴿١٦﴾

"Dan barang siapa yang dipeliharakan dari tabi'at kikir hatinya, merekalah orang-orang yang benar-benar beruntung."(16)

Kemudian Al-Qur'an terus menggalakkan mereka supaya berkorban dan berbelanja untuk kebajikan dan menamakan pengorbanan dan perbelanjaan mereka sebagai pinjaman mereka kepada Allah. Siapakah yang tidak mahu mengambil keuntungan dari peluang memberi pinjaman kepada Allah yang menaunginya itu? Sedangkan Allah akan menerima pinjaman itu dan membalaskannya dengan balasan yang berganda di samping mengurniakan keampunan kepadanya. Allah akan memberi terima kasih kepada para peminjam, dan Allah bersabar apabila manusia tidak menunjukkan kesyukuran yang sewajar kepada-Nya:

إِن تُقْرِضُوا۟ ٱللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَٰعِفْهُ لَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ۚ وَٱللَّهُ شَكُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٧﴾

"Jika kamu memberi pinjam kepada Allah dengan pinjaman yang baik (ikhlas) nescaya Allah gandakan balasan kepadanya dan mengampunkan kamu, dan Allah Maha Bersyukur dan Maha Penyantun."(17)

Belajar Dari Sifat-sifat Allah Untuk Mengatasi Kelemahan Diri

Maha sucilah Allah, alangkah limpah-Nya rahmat kemurahan-Nya, dan alangkah agungnya sifat-sifat-Nya. Dia telah menciptakan manusia kemudian memberikan mereka rezeki, kemudian Dia meminta pinjaman dari mereka dari lebihan ni'mat yang dikurniakan kepada mereka, kemudian dia berterima kasih pula kepada mereka dan melayani mereka dengan sabar terhadap kecuaian mereka bersyukur kepada-Nya. Alangkah Agungnya Engkau, ya Allah!

---

[3] *Diriwayatkan oleh Asy-syaikhan dari Abu Hurayrah.*

Allah mengajar kita dengan sifat-sifat-Nya bagaimana kita harus mengatasi kekurangan dan kelemahan diri kita, dan bagaimana kita harus memandang selama-lamanya ke darjat yang lebih tinggi supaya kita melihat Allah dan mencontohi sifat-sifat-Nya mengikut kadar kemampuan dan keupayaan kita yang kecil dan terbatas itu. Allah telah meniupkan roh dari ciptaan-Nya ke dalam diri manusia untuk menjadikan mereka sentiasa bercita-cita tinggi dan gemar untuk mencapaikan martabat-martabat yang unggul itu mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing. Kerana itu, martabat-martabat yang tinggi itu sentiasa terbuka supaya manusia terus bercita-cita untuk mencapaikan martabat yang sempurna itu sedaya upaya mereka, dan terus berusaha meningkatkan diri mereka sedarjat demi darjat sehingga mereka dapat menemui Allah dengan mendapat sepenuh keredhaan-Nya.

Kemudian Al-Qur'an menamatkan penjelajahan ini dengan mengemukakan sifat Allah yang sentiasa melihat dan mengawasi hati manusia:

"Maha Mengetahui segala yang ghaib dan segala yang nyata, Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."(18)

Segala sesuatu terdedah kepada ilmu pengetahuan Allah, tunduk kepada kuatkuasa-Nya, diatur dan ditadbirkan dengan bijaksana supaya manusia hidup dengan kesedaran bahawa penglihatan Allah sentiasa memandang mereka, kuatkuasa-Nya sentiasa menguasai mereka dan kebijaksanaan-Nya sentiasa mengatur dan mentadbirkan segala sesuatu, sama ada yang nyata atau yang ghaib. Dengan tersematnya kefahaman itu dalam hati manusia, cukuplah untuk mendorong mereka ke arah bertaqwa kepada Allah, menumpukan keikhlasan kepada-Nya dan menyahuti seruan-Nya.

******